

01/08/2001

Kegagalan pertemuan hanya sandiwara: Mustapa

KUALA LUMPUR, Selasa - Umno menyifatkan kegagalan pertemuan Pas dan DAP berhubung isu negara Islam sebagai sandiwara dan memang sudah diduga kerana kedua-dua parti yang bertentangan ideologi itu tidak akan sepakat kecuali satu pihak terpaksa berkompromi.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata percanggahan ideologi Pas yang kononnya mahu menubuhkan negara Islam dan DAP yang berkonsepkan Malaysian Malaysia sangat besar.

Mustapa berkata, percanggahan ini menyebabkan kedua-dua parti itu serba salah.

"Pemimpin Pas menuduh DAP sebagai tidak faham konsep negara Islam. Tetapi tuduhan itu tidak adil kerana DAP dan rakyat belum jelas konsep negara Islam ala-Pas.

"Pas sendiri masih kabur dan tidak dapat memberi gambaran sebenar negara Islam yang hendak ditubuhkannya.

Malah 'negara Islam' tidak disebut dalam perlembangan Pas," katanya dalam kenyataan akhbar di sini, hari ini.

Katanya, Pas dan DAP kini cemas apabila Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencabar Pas menjelaskan konsep negara Islam secara bertulis.

(END)